



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2016 / 2017
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDPW 3143 / DDW 3263
KOD KURSUS

COURSE NAME : PARTNERSHIP AND COMPANY LAW /
NAMA KURSUS UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN DAN SYARIKAT

YEAR / PROGRAMME : 3 / DDPW / DDW
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : OCTOBER 2016
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

1. Answer ALL questions in the answer booklet(s) provided.
Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.
2. Students may refer to the relevant Acts.
Pelajar dibenarkan merujuk kepada Akta yang berkaitan.
3. Please refer to specific instructions inside.
Sila rujuk kepada arahan terperinci di bahagian dalam kertas soalan.

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of ...10... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi10..... muka surat termasuk kulit hadapan

Section A –Answer ALL of the questions. True or False statements. **(10 marks/markah)**
[Bahagian A: Jawab SEMUA soalan. Pernyataan Betul atau Salah]

- Q1. Partnership agreement made between partners need not have to comply with the Partnership Act 1961.

[Perjanjian perkongsian yang dibuat dengan rakan kongsi tidak perlu mematuhi peruntukan Akta Perkongsian 1961.]

- Q2. A special resolution must be used to remove a director from office.

[Satu resolusi khas mesti dibuat untuk membuang seseorang pengarah dari jawatannya.]

- Q3. The maximum number of a limited liability partners are 20.

[Bilangan maksimum rakan-rakan kongsi dalam perkongsian liability terhad adalah 20.]

- Q4. The liability of a director in a private company is limited.

(Liabiliti pengarah syarikat dalam sesebuah syarikat persendirian adalah dengan had).

- Q5. An employee who receive a salary and a share of the profit of a partnership firm, is a partner of the firm.

[Seseorang pekerja yang menerima gaji dan sebahagian dari keuntungan dari sesebuah firma perkongsian adalah rakan kongsi di firma itu.]

- Q6. The maximum ceiling on the number of partners in a limited liability partnership for profesional firms are 50.

[Had maksimum bilangan rakan kongsi-rakan kongsi dalam perkongsian liability terhad untuk firma-firma profesional adalah 50 orang].

- Q7. A company auditor is an accountant working with a company.

[Auditor syarikat adalah seorang akauntan yang bekerja dengan syarikat itu.]

- Q8. Companies have the option to register with the Companies Commission of Malaysia.

[Syarikat mempunyai opsyen untuk didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.]

- Q9. A limited liability partnership is prohibited from making any public invitation to subscribe for any of its shares.

[Sesebuah perkongsian liabiliti terhad dilarang dari membuat tawaran kepada orang ramai untuk melanggan mana-mana saham nya.]

- Q10. Promoter is a party who prepares the Memorandum of Association of a company.

[Promoter adalah pihak yang menyediakan Memorandum Syarikat sesebuah syarikat.]

Section B: Answer five (5) questions only. **(40 marks/markah)**

(Bahagian B: Jawab lima (5) soalan sahaja.)

- Q1. In light of the new Limited Liability Partnership 2012, discuss whether liability of partners in a partnership is unlimited. Give reasons for your answer.

[Berdasarkan kepada akta baru, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, bincangkan samada liabiliti rakan-rakan kongsi dalam sesebuah perkongsian adalah tanpa had. Berikan sebab-sebab untuk jawapan anda.]

(8m)

- Q2. State the differences between a partnership and a company.

[Nyatakan perbezaan-perbezaan di antara perkongsian dengan syarikat.]

(8m)

- Q3. Discuss the facts and principles of the case *Salomon v Salomon & Co. Ltd* (1897) AC 22.

[Bincangkan fakta dan prinsip dalam kes Salomon Iwn Salomon & Co. Ltd (1897) AC 22.]

(8m)

Q4. Firdaus and Fairuz have been operating a business selling mobile phone since 2012. After three years, they decided to register their business. Advise them on the legal principles concerning the following:

- (i) The type of business;
- (ii) whether a written agreement necessary for the business;
- (iii) where to register the business;
- (iv) whether registration of the business is necessary.

[Firdaus dan Fairuz telah menjalankan perniagaan menjual telefon bimbit sejak tahun 2012 Setelah tiga tahun, mereka bercadang untuk mendaftarkan perniagaan mereka. Nasihatkan mereka tentang prinsip-prinsip undang-undang berkaitan perkara berikut:

- (i) Jenis perniagaan;*
- (ii) sama ada perjanjian bertulis dikehendaki untuk perniagaan itu;*
- (iii) di mana untuk mendaftarkan perniagaan;*
- (iv) sama ada pendaftaran perniagaan dikehendaki.]*

(8m)

Q5. Explain the following terms:

(i) Veil of incorporation

(ii) Subsidiary company

[Terangkan terma-terma berikut :

(i) Tabir pemerbadanan

(ii) Syarikat subsidiari]

(8m)

Q6. Explain the meaning of compulsory winding up of a company and state the parties who may petition for such winding up.

[Terangkan maksud penggulungan secara paksa sesebuah syarikat dan nyatakan pihak-pihak yang layak untuk mempetisyenkan penggulungan itu.]

(8m)

- Q7. Elaborate the meaning of Section 4(c) of the Partnership Act 1961 "the receipt by a person of a share of the profits of business is prima facie evidence that he is a partner in the business".

[Jelaskan maksud peraturan Seksyen 4(c) Akta Perkongsian 1961 "penerimaan oleh seseorang bahagian keuntungan dalam urusan adalah keterangan prima facie bahawa dia adalah seorang rakan kongsi dalam urusan".]

(8m)

- Q8 Write notes on the following:

[Tulis nota-nota berikut:]

- (i) Liability of partners in contract

[Liabiliti rakan kongsi dalam berkontrak]

(4m)

- (ii) Liability of shareholders in a public company.

[Liabiliti pemegang syer dalam syarikat awam]

(4m)

Section C : Answer ALL questions below : (10 marks/ markah)

(Bahagian C: Jawab SEMUA soalan berikut:)

- Q1. Mawar Land is a property developer and enters into an agreement with a land owner by the name of Anggerik Bhd. Under the agreement, Mawar Land agreed to develop the land belonging to Anggerik Bhd and Mawar Land agreed to purchase 1000 shares at RM1,000 each belonging to Anggerik Bhd at a total price of RM1,000,000 payable by Mawar Land to Anggerik Bhd by transferring two fully furnished and completed house to Anggerik Bhd. However, Mawar Land failed to complete the housing development project, and Anggerik Bhd sued Mawar Land for breach of contract.

Discuss the position of the parties involved under the Company Law.

[Mawar Land adalah sebuah syarikat pemaju harta tanah dan telah memasuki satu kontrak dengan Syarikat Anggerik Bhd., pemilik sebidang tanah. Di bawah perjanjian itu, Mawar Land bersetuju untuk membangunkan tanah kepunyaan Syarikat Anggerik Bhd dan Mawar Land bersetuju membeli 1000 saham pada harga RM1,000 setiap satu kepunyaan Anggerik Bhd dengan harga belian berjumlah RM1,000,000 yang akan dibayar oleh Mawar Land kepada Syarikat Anggerik Bhd dengan cara memindahkan dua buah rumah yang siap dan berperabut (fully furnished) kepada Syarikat Anggerik Bhd. Walaubagaimana pun, Mawar Land gagal menyiapkan projek pembangunan rumah itu, dan Syarikat Anggerik Bhd mengambil tindakan undang-undang terhadap Mawar Land kerana melanggar kontrak.

Berdasarkan Undang-Undang Syarikat, bincangkan kedudukan kedua-dua pihak yang terlibat.]

(5m)

- Q2. The Memorandum of Association of ABC Sdn Bhd provide that all form of loan made by the company must go through a special resolution made with the agreement of shareholders of the company. However, two of its directors that Abu and Badrul obtained a loan from Bank Utama and deposit the title of the land belonging to ABC Sdn Bhd as collateral. The company failed to pay the loan and Bank Utama brought an action to auction the land belonging to ABC Sdn Bhd.

With reference to the Company Law, advise ABC Sdn Bhd as to their rights and liabilities in regard to the loan transaction made by Abu and Badrul.

[Memorandum Persatuan Syarikat ABC Sdn Bhd memperuntukkan bahawa segala pinjaman syarikat mestilah melalui resolusi khas dengan persetujuan pemegang syarikat. Walaubagaimana pun, dua pengarah syarikat iaitu Abu dan Badrul telah membuat pinjaman dari Bank Utama dengan meletakkan tanah kepunyaan Syarikat ABC Sdn Bhd sebagai jaminan. Pinjaman tersebut gagal dibayar dan Bank Utama mengambil tindakan melelong tanah kepunyaan ABC Sdn Bhd.

Dengan merujuk kepada Undang-Undang Syarikat, nasihatkan Syarikat ABC Sdn Bhd tentang hak dan tanggungan mereka terhadap transaksi pinjaman yang dibuat oleh Abu dan Badrul.]

(5m)

- END OF QUESTIONS/ SOALAN TAMAT -